

# Pemaju turut bantu tangani masalah banjir

BH 5 Jun 2006  
(15/12)

## TTDI Development baiki kebocoran tembok di tebing Sungai Damansara, baiki ban tanah

Oleh Rafidah Mat Ruzki

**S**HAH ALAM: Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan banjir besar yang mencemaskan penduduk beberapa kawasan di bandar raya ini pada 26 Februari lalu, tidak berulang.

Agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengambil langkah perlu bagi menanganinya, menerusi program jangka pendek dan panjang.

JPS Selangor sudah menaik taraf dan menguji tahap kecekapan sistem amaran siren yang dipasang di Taman TTDI Jaya selain menambah tiga lagi unit itu di kawasan berkenaan bagi memastikan amaran awal diterima penduduk jika paras air melepasi paras bahaya.

Kerja awal JPS termasuk projek mengorek dan mendalamkan Sungai Damansara di sekitar TTDI Jaya dan melurus serta memotong liku tajam sungai itu untuk melancarkan pergerakan air sungai.

Selain itu, JPS akan membina Stesen Pam di TTDI Jaya untuk mengempam keluar air larian tempatan, yang kerjanya dijangka bermula akhir Julai ini.

Jabatan itu juga akan menjalankan kerja mengorek dan membuang kelodak dari Sungai Damansara di sepanjang 11.4 kilometer bermula dari Sungai Klang hingga Sungai Kayu Ara.

Dalam hal ini, TTDI Development Sdn Bhd (TTDI Development) juga tidak ketinggalan membantu menangani masalah bersama bagi memastikan pembeli hartanah di kawasan itu selamat daripada bencana alam.

Pengarah Urusannya, Datuk Johan Ariffin, berkata perkara pertama yang dilakukan pemaju ialah membaiki kebocoran pada tembok penghalang banjir di tebing Sungai Damansara, dua minggu selepas banjir itu.

Katanya, selain kerja membaiki yang membabitkan kos RM40,000 itu, TTDI Development turut membaiki ban tanah sepanjang 20 meter berdekatan Pangsapuri Ilham yang pecah ketika banjir.

"Kami akan menggantikan ban tanah itu dengan tembok konkrit yang lebih kukuh. Tender sudah ditawarkan dan kini cuma menunggu kelulusan sebelum kerja membina tembok berkenaan dapat dimulakan," katanya kepada Sentral.

Johan berkata, TTDI Development sudah memajukan permohonan peruntukan RM3.2 juta kepada kerajaan Selangor bagi membina tembok rintangan banjir membabitkan Sungai Air Kuning dan Sungai Damansara.

Bagaimanapun, menyedari ancaman banjir kilat boleh berlaku pada bila-

bila masa, pemaju hartanah itu sedia menanggung kos membina tembok rintangan setinggi 9.5 meter di Sungai Air Kuning berhadapan Pangsapuri Ilham dengan kos RM310,000.

Pada masa sama, TTDI Development juga mempercepatkan pembinaan kolam takungan air seluas 0.4 hektar dan sedalam 1.65 meter di Fasa 2C bersebelahan Pangsapuri Ilham.

Kolam yang sepatutnya disiapkan Julai depan kini sudah hampir siap.

Johan berkata, TTDI Development juga sudah menulis surat kepada JPS untuk meletakkan pam bergerak secara tetap di TTDI Jaya sehingga satu stesen pam yang lebih besar dan kekal dibina.

Katanya, pam itu sekarang sudah diletakkan berhampiran Pangsapuri Ilham.

MBSA pula sudah bertindak tegas terhadap pemaju yang menjalankan satu projek pembangunan berdekatan Stor Menyimpan Senjata (SMS) dengan mengarahkan mereka membina kolam takungan bagi mengelak air melimpah ke kawasan komersial di seberang jalan utama.

"Selepas mereka mula membina kolam takungan itu, kawasan komersial itu tidak lagi banjir apabila hujan lebat," katanya.

**“Kami akan menggantikan ban tanah itu dengan tembok konkrit. Tender sudah ditawarkan dan kini menunggu kelulusan sebelum kerja dapat dimulakan”**

**Johan Ariffin**

Pengarah Urusan TTDI Development

### FAKTA

#### Projek Penghalang Banjir

- Sehingga kini, TTDI Development membelanjakan kira-kira RM14 juta bagi memastikan kejadian banjir tidak berulang.
- RM2.9 juta - peruntukan yang diperlukan bagi menaik taraf keseluruhan tembok rintangan banjir.
- Tembok dinaikkan kepada ketinggian 9.5 meter berbanding ukuran asal 8.5 meter daripada paras dataran sungai.



**HALANG:** Tembok penghalang banjir setinggi 8.5 meter yang akan ditinggikan kepada 9.5 meter bagi menghalang air sungai melimpah ke kawasan perumahan.